

IMPLIKASI SOKONGAN RAKYAT TERHADAP AGENDA MELAYU DAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR (2008 – 2018)

MUHAMAD ATLIZAN BIN DARLIS

Atlizan85@gmail.com

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Article History:

Received: 19 September 2025

Accepted: 25 September 2025

Published: 5 November 2025

Abstrak

Kajian ini akan meneliti implikasi sokongan rakyat terhadap agenda pemerkasaan Melayu dan Islam di negeri Selangor melalui analisis tematik temu bual dengan enam tokoh politik utama mewakili parti teras (UMNO, PKR, PAS). Selangor menyumbang lebih 23 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan terkenal dengan penduduk yang majmuk. Era dominasi Barisan Nasional berakhir pada PRU-12 (2008) apabila Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran negeri (fenomena “tsunami politik”), diikuti oleh landskap politik baharu selepas PRU-15 (2022) dengan kemunculan Perikatan Nasional sebagai pencabar utama. Kajian ini memberi tumpuan kepada objektif kajian yang lebih spesifik iaitu menganalisis bagaimana sokongan rakyat difahami oleh pemimpin politik bagi pemerkasaan agenda Melayu-Islam dan kesannya terhadap pelaksanaan dasar negeri. Melalui analisis tematik data temu bual, beberapa tema utama dikenal pasti. Dapatan kajian menekankan tentang kepelbagaian bentuk sokongan rakyat (undian pilihan raya, sentimen awam, penyertaan NGO dan lain-lain) serta membincangkan mengenai pertembungan antara dasar inklusif dengan agenda khas Melayu-Islam. Tokoh Melayu-Islam melihat sokongan orang Melayu sebagai prasyarat kepada agenda mereka, manakala parti berbilang kaum menekankan dasar inklusif untuk membina kepercayaan bersama. Kesimpulannya, sokongan rakyat bukan sahaja mencerminkan keberkesanan dasar semasa tetapi turut membentuk legitimasi agenda pemerkasaan Melayu-Islam dalam landskap politik majmuk Selangor. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman alternatif mengenai hubungan antara sokongan politik dan identiti etnik dalam konteks Malaysia.

Kata Kunci: *Sokongan rakyat, agenda Melayu-Islam, legitimasi politik, politik Selangor, identiti etnik*

THE IMPLICATIONS OF PUBLIC SUPPORT FOR THE MALAY AND ISLAMIC EMPOWERMENT AGENDA IN SELANGOR (2008–2018)

Abstract

This study will examine the implications of public support for the empowerment agenda of Malays and Islam in the state of Selangor through thematic analysis of interviews with six key political figures representing core parties (UMNO, PKR, PAS). Selangor contributes more than 23 percent to the nation's Gross Domestic Product (GDP) and is renowned for its diverse population. The era of Barisan Nasional's dominance ended in the 12th General Election (2008) when Pakatan Rakyat took over the state administration (a “political tsunami” phenomenon), followed by a new political landscape after the 15th General Election (2022) with the emergence of Perikatan Nasional as a major challenger. This study focuses on a more specific research objective, namely analyzing how political leaders interpret public support in relation to the empowerment of the Malay-Islam agenda and its impact on policy implementation. Through thematic analysis of interview data, several key themes were identified. The findings highlight the diverse forms of public support (electoral votes, public sentiment, NGO

participation, among others) and discuss the tension between inclusive policies and the special Malay-Islam agenda. Malay-Islam leaders view Malay support as a prerequisite for advancing their agenda, while multiracial parties emphasize inclusive policies to build mutual trust. In conclusion, public support not only reflects the effectiveness of current policies but also shapes the legitimacy of the Malay-Islam empowerment agenda within Selangor's plural political landscape. This study contributes to an alternative understanding of the relationship between political support and ethnic identity in the Malaysian context.

Keywords: *Public support, Malay-Islam agenda, political legitimacy, Selangor politics, ethnic identity*

PENGENALAN

Dominasi politik Melayu-Islam di Selangor telah mengalami transformasi yang signifikan sejak 2008 apabila Pakatan Rakyat (PR) berjaya menawan negeri ini daripada Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Sebagai negeri termaju dengan penduduk pelbagai etnik, Selangor sering menjadi medan ujian utama bagi agenda Melayu-Islam yang dikemudi Pakatan Rakyat (PR) yang merangkumi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP). Tempoh 2008 hingga 2018 kita dapat menyaksikan beberapa siri peralihan corak sokongan pengundi Melayu dan bukan Melayu yang ketara dalam konteks politik yang berbilang kaum. Agenda Melayu-Islam ini diterjemahkan ke dalam dasar pentadbiran negeri seperti ketelusan, integriti dan pembangunan inklusif yang menonjolkan aspek keadilan sosial dan pemerkasaan kumpulan utama (Junaidi Awang Besar, 2018). Walaupun terdapat pelbagai cabaran dari segi polarisasi serta perpecahan dalaman parti dan kaum, keberkesanan pelaksanaan agenda ini terbukti dapat mempengaruhi sokongan rakyat dan keputusan pilihan raya di Selangor.

Era Pakatan Rakyat di Selangor antara tahun 2008 hingga 2018 merupakan satu fasa penting dalam pembangunan politik dan pentadbiran Selangor yang diterajui oleh dua tokoh utama iaitu Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Abdul Khalid Ibrahim yang merupakan Menteri Besar pertama dari Pakatan Rakyat selepas kejayaan menawan Selangor pada Pilihan Raya Umum 2008, terkenal kerana dasar pengurusan kewangan negeri yang berhemah dan penekanan kepada tadbir urus yang telus (Tricia Yeoh, 2010). Namun pengurusan beliau turut menghadapi cabaran politik dalaman dan kritikan dari dalam parti gabungan pentadbiran beliau, khususnya daripada parti beliau sendiri iaitu PKR yang dilihat lebih agresif dalam pendekatan politik serta akhirnya Mohamed Azmin Ali menggantikan Abdul Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar pada 2014 setelah krisis politik yang melanda Pakatan Rakyat (Mohd Mahadee Ismail et al., 2016).

Dalam kajian Junaidi Awang Besar et al. (2016), sepanjang tempoh ini, agenda pemerkasaan Melayu-Islam menjadi elemen dan cabaran penting yang dipengaruhi oleh sokongan rakyat serta kepelbagaian politik di Selangor. Pakatan Rakyat (PR) sebagai gabungan politik yang terdiri daripada PKR, PAS dan DAP menghadapi dilema dalam mengharmonikan dasar negeri yang inklusif dengan tuntutan agenda Melayu dan Islam yang sering menjadi isu sensitif. Dalam kajian Tricia Yeoh (2010), dasar dan agenda negeri dalam aspek pembangunan ekonomi, pentadbiran air serta dasar sosial dan keagamaan dilaksanakan akibat pengaruh signifikan daripada kedinamikan aspek sosial politik ini, selain daripada tekanan parti politik dalam gabungan itu sendiri. Kajian ini akan meneliti bagaimana sokongan rakyat terhadap agenda Melayu dan Islam tercorak dalam konteks politik Selangor pada era Pakatan Rakyat serta implikasinya terhadap kestabilan dan perkembangan politik serta sosial di negeri tersebut.

Kajian politik di Selangor pada era PR antara 2008 hingga 2018 menunjukkan sokongan etnik Melayu terhadap PR berada dalam julat sekitar 25 peratus hingga 40 peratus, manakala sokongan bukan Melayu lebih tinggi melebihi 90 peratus dalam kalangan masyarakat Cina dan sekitar 70 peratus di kalangan masyarakat India (Junaidi Awang Besar et al., 2016). Perbezaan sokongan ini mencerminkan polarisasi etnik dalam politik negeri tersebut yang turut mempengaruhi agenda Melayu dan Islam yang dibawa oleh agenda politik PR. PR ketika itu memperjuangkan model pemerintahan yang lebih inklusif dan berfokus kepada kebajikan rakyat tanpa terlalu menekankan naratif Melayu-Islam yang konservatif

seperti yang ditekankan oleh beberapa parti Melayu lain seperti UMNO dan PAS yang sering menggunakan isu bangsa dan agama untuk menarik sokongan.

Era PR menyaksikan perubahan agenda PAS yang merupakan salah sebuah parti komponennya, yang beralih daripada pendirian menubuhkan negara Islam kepada konsep Negara Berkeadilan, satu pendekatan yang lebih inklusif dan kurang ekstrem dalam agenda Islam. Dalam kajian Mohd Rosdi (2016) menyatakan ini memberi kesan kepada sokongan rakyat, khususnya di kawasan luar bandar di Selangor di mana sokongan terhadap naratif Melayu-Islam konservatif lebih kuat, berbanding dengan kawasan bandar yang lebih menyokong agenda progresif PR yang fokus kepada isu kos sara hidup, pendidikan dan peluang pekerjaan. Dalam konteks ini, sokongan rakyat yang berbeza di kawasan bandar dan luar bandar menunjukkan implikasi yang ketara terhadap agenda politik Melayu dan Islam yang dibentuk oleh PR di Selangor. Ia memerlukan pendekatan inklusif yang merentasi sempadan etnik dan keyakinan terhadap dasar yang komprehensif supaya dapat mengekalkan kestabilan politik di negeri berbilang kaum ini. Kejayaan PR dalam memperkukuh kedudukan melalui dasar pembangunan inklusif seperti program Skim Mesra Usia Emas dan peluang perniagaan kepada belia juga mencerminkan usaha menjawab cabaran polarisasi etnik dan agama yang berterusan.

Secara keseluruhan, sokongan rakyat yang terpecah dan kecenderungan konservatif di kalangan Melayu luar bandar menimbulkan cabaran utama terhadap agenda Melayu dan Islam yang ingin dibawa oleh Pakatan Rakyat di Selangor. Ini menunjukkan bahawa politik yang berasaskan kaum dan agama masih menjadi faktor utama yang mempengaruhi corak sokongan rakyat dan pelaksanaan agenda politik di negeri tersebut pada era tersebut.

LATAR BELAKANG DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini meneliti implikasi sokongan rakyat terhadap agenda pemerkasaan Melayu dan Islam di negeri Selangor berdasarkan temu bual bersama enam tokoh politik utama mewakili parti utama (UMNO, PKR, PAS) serta penelitian ke atas beberapa kajian lepas. Selangor menyumbang lebih 23 peratus kepada KDNK negara, menjadikannya medan kompetisi politik yang penting. Kuala Lumpur yang terletak bersebelahan, ini menjadikan Selangor pusat infrastruktur dan komuniti yang pelbagai, dengan komposisi kaum sekitar 54 peratus bagi etnik Melayu, 25 peratus bagi etnik Cina dan 10 peratus bagi etnik India (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Hal ini bermakna strategi politik di Selangor perlu mengambil kira pelbagai kepentingan etnik. Era dominasi BN yang berakhir pada Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) apabila PR mengambil alih pentadbiran negeri (Junaidi Awang Besar, 2018). Gabungan itu kemudiannya menjadi Pakatan Harapan (PH) dan terus memerintah Selangor. Pilihan Raya Umum ke-15 (2022) menyaksikan kemunculan Perikatan Nasional (PN) sebagai pencabar kepada PH-BN di negeri ini, sementara Pilihan Raya Negeri 2023 mengekalkan PH-BN dengan majoriti dikurangkan. Walaupun politik di peringkat persekutuan berubah (contohnya krisis politik 2020 di peringkat pusat), Selangor kekal di bawah PH-BN. Objektif kajian ini adalah menganalisis bagaimana sokongan rakyat dipersepsikan oleh pemimpin politik utama untuk agenda pemerkasaan Melayu-Islam di Selangor serta impaknya terhadap pelaksanaan dasar negeri.

Kajian ini menumpukan kepada beberapa tema utama yang saling berkait rapat. Pertama, ia membincangkan definisi sokongan rakyat melalui bentuk dan saluran sokongan politik seperti undian, penglibatan badan bukan kerajaan (NGO), serta penyertaan dalam aktiviti masyarakat. Kedua, kajian ini meneliti hubungan sokongan Melayu-Islam dengan memberi perhatian kepada pandangan tokoh politik terhadap sokongan masyarakat Melayu serta pelaksanaan agenda berasaskan etnik dan agama. Seterusnya, mengupas ketegangan yang wujud antara dasar inklusif yang bersifat sejagat dengan agenda khusus yang menekankan kepentingan Melayu dan Islam. Selain itu, kajian ini turut menilai keberkesanan dasar pemerintah melalui perbezaan pandangan tokoh politik mengenai tahap kejayaan dasar tersebut dalam menarik dan mengekalkan sokongan rakyat. Akhir sekali, ia menganalisis sumber sokongan dengan meneliti faktor-faktor seperti sentimen etnik dan isu-isu nasional yang mempengaruhi pola sokongan rakyat.

Pendekatan kualitatif dipilih dalam kajian ini bagi memperoleh pemahaman mendalam terhadap perspektif pemimpin. Seperti yang diuraikan oleh Braun dan Clarke (2006), analisis tematik merupakan kaedah yang sesuai untuk mengekstrak tema berulang daripada data temu bual. Dalam konteks Malaysia, agenda Melayu-Islam sering menjadi medan perdebatan. Misalnya menerusi konsep "Ketuanan Melayu" serta

peranan Islam dalam pembentukan dasar awam. Namun kajian empirikal mengenai persepsi pemimpin negeri masih terhad. Kajian ini berusaha mengisi kekosongan tersebut dengan memberi tumpuan kepada golongan elit negeri, sekali gus menawarkan wawasan alternatif tentang bagaimana sokongan politik berkait rapat dengan agenda identiti di negeri maju seperti Selangor.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kerajaan Selangor telah memanfaatkan sumber daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan hasil negeri untuk membiayai pelbagai program kebajikan. Menjelang penghujung dekad 2010-an, lebih 40 skim dilancarkan di bawah inisiatif Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan Peduli Rakyat, termasuk bantuan tunai kepada bayi baru lahir, bantuan untuk warga emas, serta subsidi air percuma. Fenomena ini sering dikaitkan dengan konsep “monetisasi persetujuan” (Saravanamuttu, 2020), iaitu penggunaan insentif kewangan sebagai strategi memperkukuh sokongan politik. Secara keseluruhan, literatur menegaskan bahawa kerajaan Selangor menggabungkan dasar inklusif dengan program kebajikan menyeluruh untuk meraih sokongan daripada pelbagai kelompok masyarakat. Amalan sedemikian mencerminkan model politik Malaysia secara umum, di mana identiti etnik diimbangi dengan insentif material. Hujah ini turut diperkuat oleh kajian Yeoh (2021) dan Gomez et al. (2017) yang menekankan bagaimana dasar kewangan berbentuk subsidi dan elaun dibangunkan untuk memperoleh kepercayaan rakyat. Ringkasnya, kajian ini menumpukan kepada pemahaman bagaimana sokongan rakyat diterjemah oleh pemimpin dan sejauh mana ia membentuk kemampuan melaksanakan agenda etnik atau agama di Selangor. Pembacaan awal literatur serta perbincangan lapangan menunjukkan bahawa sokongan Melayu dianggap aset penting oleh parti berteraskan etnik atau Islam, manakala parti berbilang kaum lebih menekankan inklusiviti untuk memenangi hati semua golongan.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis tematik terhadap data temu bual bersama enam (6) tokoh politik mewakili parti teras di Selangor (UMNO, PKR, PAS) telah dipilih melalui pensampelan bertujuan serta dokumen-dokumen negeri yang boleh diakses secara terbuka. Pemilihan ini memastikan perspektif parti Melayu-Islam dan parti pelbagai kaum diambil kira. Temu bual individu dijalankan secara bersemuka di sekitar Selangor. Panduan temu bual disediakan berdasarkan topik kajian (sokongan rakyat, agenda Melayu-Islam). Semua temu bual direkod dan ditranskrip, kemudian disemak dan dianalisis dalam Bahasa Melayu. Transkrip dibaca berulang kali untuk mengenal pasti kod dan tema berulang. Jadual 1 berikut merupakan tokoh-tokoh yang telah ditemu bual.

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

Informan	Latar Belakang / Jawatan Utama
1. Nik Nazmi bin Nik Ahmad	Ahli Parlimen Setiawangsa; mantan Timbalan Yang Dipertua DUN Selangor; mantan Exco Negeri Selangor
2. Noh bin Omar	Mantan Ahli Parlimen Tanjong Karang; Pengerusi BN Selangor; mantan Menteri Kabinet
3. Karim bin Mansor	Mantan ADUN Tanjung Sepat; mantan Setiausaha Politik MB Selangor
4. Rodziah binti Ismail	Mantan ADUN Batu Tiga; mantan Exco Negeri Selangor
5. Mohsinon Tahir	Veteran PAS; mantan calon Parlimen dan DUN (1980-an–1990-an)
6. Ahmad Yunus bin Hairi	ADUN Sijangkang; Pesuruhjaya PAS Selangor

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

a. Dasar dan Agenda Negeri Selangor (2008 Hingga 2018).

Selepas kemenangan Pilihan Raya Umum ke-12 (2008), Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor memperkenalkan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang berfokus pada pengagihan hasil negeri secara adil dengan penekanan terhadap komuniti Melayu-B40 yang merupakan majoriti (57 peratus daripada populasi) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010; Muhammad Hazim Abdul Ghani et al., 2016). Program MES fasa awal meliputi dasar pro-Melayu-Islam seperti Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Anak Selangor (TUNAS), bantuan sekolah agama rakyat, mikro Kredit bandar serta Skim Air Percuma 20m³. Era Azmin Ali (2014 hingga 2018) pula menyaksikan kesinambungan dasar tersebut melalui Inisiatif Peduli Rakyat (IPR), merangkumi 17 program dengan fokus kepada B40 dan M40 pelbagai kaum, yang secara tidak langsung memperkasakan majoriti Melayu (Fuad Mat Jali et al., 2009).

Kepercayaan dan penerimaan rakyat berperanan sebagai *input legitimacy* (Easton, 1976) dalam menentukan keberkesanan dasar. Program Hijrah Selangor misalnya berjaya menyalurkan pinjaman mikro bernilai RM405 juta kepada lebih 54,000 usahawan (sehingga 2018), dengan kadar bayaran balik melebihi 80 peratus, mencerminkan tahap keyakinan rakyat (Rodziah Ismail, Temu Bual Peribadi, 24 Mac 2021). Kisah kejayaan individu rakyat selangor seperti yang dilaporkan turut membuktikan sokongan akar umbi yang memperkukuh legitimasi program (Selangorkini, 2020). Begitu juga, SMUE mencatat lebih 80,000 tuntutan khairat bernilai RM201 juta dalam tempoh sembilan tahun, menandakan penerimaan luas tanpa mengira kaum (Kerajaan Negeri Selangor, 2017). Populariti SMUE malah memaksa Barisan Nasional (BN) berjanji mengekalkannya dalam manifesto PRU (Berita Harian, 2018). Program Peduli Sihat turut mendapat sambutan besar dengan pendaftaran 1.28 juta individu dalam tempoh 15 bulan, hingga dijadikan model skim kesihatan persekutuan (Selangorkini, 2017; Gilley, 2017).

Selain agenda sosio-ekonomi, pemerkasaan institusi Islam turut diberi perhatian. Sultan Selangor kekal sebagai Ketua Agama Islam dengan MAIS dan JAIS memegang autonomi institusi. Bajet untuk pendidikan agama, dakwah dan elaun imam atau guru KAFA ditingkatkan, sementara Lembaga Zakat Selangor (LZS) mencatat peningkatan kutipan zakat dari RM200 juta (2008) ke RM600 juta (2018), membuktikan kepercayaan umat terhadap pengurusan telus dan agihan efektif (Dewan Negeri Selangor, 2018). JAIS pula menggerakkan program pembangunan rohani, penguatkuasaan syariah serta tindakan tegas terhadap isu moral, yang mengukuhkan imej kerajaan negeri sebagai pelindung Islam (Nur Solehah Mohd Yazid et al., 2020; Mstar, 2011). Secara keseluruhan, kejayaan dasar pemerkasaan Melayu dan Islam di Selangor bergantung kepada sokongan rakyat dalam bentuk penyertaan, penerimaan dan legitimasi. Program yang mesra rakyat bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi, tetapi juga memperkukuh institusi Islam sebagai tonggak ummah. Kejayaan ini menterjemahkan konsep *performance legitimacy* (Gilley, 2006), iaitu apabila kerajaan berjaya menunaikan janji dasar, rakyat memberikan sokongan berterusan. Data kepuasan awam menunjukkan 75 peratus rakyat Selangor berpuas hati dengan kerajaan negeri pada 2018 (Loh, 2020), mencerminkan impak langsung sokongan rakyat terhadap keberhasilan agenda pemerkasaan Melayu-Islam.

Pentadbiran Pakatan Rakyat di Selangor memperkenalkan pelbagai skim kebajikan bermula sejak 2008 di bawah kepimpinan Abdul Khalid Ibrahim, dan diteruskan serta diperluaskan oleh Mohamed Azmin Ali. Antara inisiatif utama termasuk skim asas kebajikan rakyat seperti Skim Air Percuma 20m³ (2008), Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Bantuan Anak Masuk IPT, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), dan Tunas Selangor. Bagi peningkatan ekonomi rakyat, diperkenalkan MiMBAR (2010) dan SKIMSEL (2010) yang kemudiannya digabungkan menjadi HIJRAH Selangor (2015), menyediakan pembiayaan mikro dan latihan keusahawanan. Usaha memperkasakan belia turut dilaksanakan melalui SAY (2013). Dalam aspek pendidikan dan keluarga berpendapatan rendah, diperkenalkan Program Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) (2012), manakala kebajikan kesihatan rakyat disokong dengan Skim Peduli Sihat (2016) dan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) (2018). Bagi perumahan dan pengangkutan awam, kerajaan negeri memperkenalkan Rumah Selangorku (2012) sebagai projek rumah mampu milik serta Bas Smart Selangor (2015) yang menawarkan pengangkutan percuma. Skim tambahan lain termasuk Insurans Penjawat Awam Selangor (2017) dan Program Jom Shopping (2013).

Secara keseluruhannya, skim-skim ini mencerminkan pendekatan kebajikan menyeluruh Pakatan Rakyat dalam menangani keperluan asas, pendidikan, kesihatan, ekonomi, serta mobiliti rakyat Selangor. Dasar-dasar utama tersebut boleh di ringkaskan di dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Ringkasan Skim Kebajikan Utama di Selangor Dari Tahun 2008 – 2018 (Laman Sesawang Kerajaan Negeri Selangor, 2018)

Bidang	Skim Utama	Tahun / Menteri Besar	Fokus Utama
Kebajikan Asas	Skim Air Percuma 20m ³ , SMUE, TAWAS, Tunas Selangor, Program Jom Shopping	2008–2013 (Khalid, Azmin)	Air percuma, bantuan kematian, simpanan anak, bantuan perayaan
Pendidikan	Bantuan Anak Masuk	2008–2012 (Khalid)	Bantuan kewangan IPT &

	IPT, Program Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)		yuran tadika keluarga berpendapatan rendah
Ekonomi & Usahawan	MiMBAR, SKIMSEL, HIJRAH Selangor, SAY	2010–2015 (Khalid, Azmin)	Pembiayaan mikro, keusahawanan desa & bandar, geran belia
Kesihatan & Keluarga	Skim Peduli Sihat, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	2016–2018 (Azmin)	Baucar perubatan asas & bantuan barangan asas untuk keluarga B40
Perumahan	Rumah Selangorku	2012 (Khalid → Azmin)	Rumah mampu milik untuk B40 & M40
Pengangkutan	Program Bas Smart Selangor	2015 (Azmin)	Perkhidmatan bas percuma di kawasan bandar
Penjawat Awam	Insurans Penjawat Awam Selangor	2017 (Azmin)	Perlindungan hayat & hilang upaya penjawat awam Gred 44 ke bawah

Pelaksanaan skim kebajikan di Selangor sepanjang era Pakatan Rakyat (2008–2018) memperlihatkan pendekatan holistik yang merangkumi keperluan asas rakyat, pendidikan, kesihatan, perumahan, ekonomi, dan mobiliti sosial. Ia bukan sahaja menyasarkan golongan B40 tetapi turut memberi perhatian kepada belia, usahawan desa, serta penjawat awam negeri. Keberagaman program ini mencerminkan usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan keseimbangan antara kebajikan sosial dan pembangunan ekonomi.

b. Perbincangan Tema 1: Definisi dan Manifestasi Sokongan Rakyat.

Tema pertama yang dibincangkan ialah berkaitan definisi dan manifestasi sokongan rakyat. Hasil temu bual menunjukkan bahawa istilah “sokongan rakyat” ditafsirkan dengan pelbagai makna oleh tokoh yang berbeza. Bagi sesetengah tokoh, manifestasi utama sokongan rakyat dilihat melalui keputusan pilihan raya, khususnya peratusan undi dan jumlah kerusi yang diperolehi. Sebagai contoh, Nik Nazmi (PKR) berpendapat bahawa sokongan rakyat dapat diukur apabila parti menang dengan majoriti yang jelas atau sebaliknya. Menurutnya, walaupun terdapat turun naik pada peringkat nasional, sokongan terhadap PR-PH di Selangor kekal stabil (Nik Nazmi Nik Ahmad, Temu Bual Peribadi, 19 Februari 2021). Ini menunjukkan sokongan terhadap kerajaan PR-PH di negeri Selangor adalah kekal baik.

Sebaliknya, Rodziah Ismail menegaskan bahawa sokongan juga terbit melalui aktiviti sosial dan penyertaan dalam NGO. Sokongan rakyat dilihat sebagai bentuk legitimasi tidak formal yang boleh muncul melalui persatuan belia atau kumpulan advokasi Islam. Sebagai contoh, seorang tokoh menyebut bahawa kerajaan negeri menghulurkan bantuan kepada sekolah Cina dan Tamil bukan kerajaan, dan pendekatan inklusif ini meningkatkan kredibiliti PH di mata masyarakat bukan Melayu. Tambahan pula, sebahagian informan menekankan bahawa sokongan rakyat turut berkait rapat dengan persepsi ekonomi, misalnya jaminan pekerjaan dan kebajikan sosial kepada komuniti Melayu dianggap sebagai faktor penting dalam membina sokongan politik jangka panjang. Justeru, sokongan rakyat mencerminkan kepercayaan terhadap agenda ekonomi dan sosial kerajaan, bukan sekadar berasaskan isu identiti (Rodziah Ismail, Temu Bual Peribadi, 24 Mac 2021).

Selain itu, Mohsinon Tahir menyatakan bahawa sokongan di kalangan generasi muda Melayu dipacu oleh isu ekonomi dan pekerjaan, manakala generasi lebih tua menumpukan kepada isu agama dan tradisi. Kajian lepas menunjukkan bahawa ketidaksepakatan ini tipikal dalam kajian sokongan rakyat Malaysia: generasi lebih muda kurang tertarik dengan retorik perkauman jika isu sosioekonomi dijanjikan. Dengan erti kata lain, tidak ada definisi tunggal mengenai sokongan rakyat di kalangan pelbagai latar politik, dan ia berubah mengikut konteks dan kepentingan pihak terbabit (Mohsinon Tahir, Temu Bual Peribadi, 27 Februari 2021).

Dapatan temu bual memperlihatkan bahawa sokongan pengundi Melayu bukan sekadar

penentu kemenangan pilihan raya, tetapi juga menjadi prasyarat bagi keberlangsungan agenda pemerkasaan Melayu dan Islam. Tokoh daripada parti berteraskan Melayu-Islam seperti PAS dan BN menegaskan bahawa kekuatan politik mereka bersandar kepada tahap sokongan masyarakat Melayu, yang dianggap sebagai asas legitimasi utama. Dalam konteks ini, politik identiti memainkan peranan penting kerana sokongan Melayu sering dimobilisasi melalui naratif agama dan etnik. Perpaduan Melayu, khususnya dalam struktur kerajaan negeri, dilihat sebagai keperluan strategik untuk memastikan dasar-dasar yang mengekalkan hak istimewa Melayu dapat diteruskan (Ahmad Yunus Hairi, Temu Bual Peribadi, 27 Februari 2021).

Dalam temu bual yang sama juga menonjolkan peranan institusi Islam tradisional seperti sekolah pondok, pusat tahfiz, dan masjid yang bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan agama, tetapi turut menjadi saluran sosial bagi memupuk kesetiaan politik. Dalam kerangka *patron-clientelism*, institusi ini boleh ditafsirkan sebagai 'jambatan perantara' yang menyalurkan sumber daripada kerajaan kepada masyarakat akar umbi. Contohnya, bantuan kewangan kepada sekolah pondok dan tahfiz, serta sokongan terhadap guru KAFA, bukan sekadar dilihat sebagai dasar sosial tetapi juga sebagai bentuk pertukaran simbolik antara kerajaan dan masyarakat. Ia mewujudkan hubungan timbal balik di mana kerajaan memperoleh sokongan politik, manakala masyarakat menerima manfaat material dan spiritual (Ahmad Yunus Hairi, Temu Bual Peribadi, 27 Februari 2021).

Beliau juga menekankan bahawa pelaburan dalam pendidikan agama ini merupakan strategi tidak rasmi tetapi berkesan untuk memelihara sokongan Melayu terhadap agenda Islam. Melalui lensa politik identiti, strategi ini berfungsi untuk mengikat identiti keagamaan dengan kesetiaan politik, menjadikan agama sebagai asas mobilisasi sokongan. Manakala melalui kerangka *patron-clientelism*, strategi tersebut dilihat sebagai bentuk penginstitutionan sokongan politik yang disandarkan pada pengagihan sumber dan perlindungan terhadap kepentingan komuniti Melayu-Islam. Dengan demikian, sokongan Melayu terhadap agenda ini bukan sahaja didorong oleh aspirasi identiti, tetapi turut dibentuk melalui rangkaian patronase yang mengekalkan hubungan simbiotik antara pemimpin politik, institusi keagamaan, dan masyarakat Melayu (Ahmad Yunus Hairi, Temu Bual Peribadi, 27 Februari 2021).

Satu lagi dimensi yang dibangkitkan ialah hubungan antara sokongan ini dengan pelaksanaan dasar. Sebagai contoh, Noh Omar (BN) menekankan bahawa kemenangan pilihan raya (mandat rakyat) membolehkan kerajaan negeri meneruskan dasar manifesto mereka. Beliau melihat sokongan kaum Melayu (melalui undi) sebagai legitimasi pentadbiran atas aspirasi Melayu-Islam (Noh Omar, Temu Bual Peribadi, 6 April 2021). Dalam kalangan pemimpin PH pula, dikatakan bahawa sokongan Melayu diperoleh apabila dasar inklusif dilihat memberi manfaat, dan sokongan itu seterusnya memudahkan pelaksanaan agenda rakyat. Nik Nazmi (PKR) menyorot bahawa selagi pengundi Melayu merasakan kepentingan ekonomi dan keselamatan mereka dilindungi, mereka akan menyokong kerajaan negeri yang ada (Nik Nazmi Nik Ahmad, Temu Bual Peribadi, 19 Februari 2021).

Perbandingan antara parti pelbagai kaum dan parti Melayu turut timbul. Parti pelbagai kaum sering menekankan konsep "muafakat" atau kompromi antara kaum, sementara parti Melayu menuntut penekanan terhadap hak dan kedudukan istimewa Melayu-Islam. Sebagai contoh, sesetengah pemimpin Melayu melihat pelaksanaan dasar kebajikan sejagat sebagai keliru mengenai hak Melayu. Perbezaan naratif ini tercermin dalam temu bual: parti Melayu/Islam menyebut perlunya mendahulukan kepentingan Melayu (ekonomi, bahasa, institusi Islam), manakala PH menekankan pendekatan inklusif merentasi kaum. Ini menunjukkan sokongan Melayu dikaitkan rapat dengan realiti dasar yang diamalkan.

b. Perbincangan Tema 2: Pertembungan Agenda Universal vs. Spesifik.

Tema kedua yang akan dibincangkan adalah mengenai pertembungan Agenda Universal vs. Spesifik. Dapatan temu bual jelas memperlihatkan ketegangan antara agenda kebajikan untuk semua dan agenda khusus Melayu-Islam. Nik Nazmi tokoh dari PH menegaskan dasar inklusif seperti penyediaan perkhidmatan awam dan kebajikan (contohnya skim air percuma) sebagai perlu untuk meraih sokongan pelbagai kaum, termasuk bangsa Melayu (Nik Nazmi Nik Ahmad, Temu Bual Peribadi, 19 Februari 2021). Mereka berhujah dasar sedemikian "membina jambatan antara kaum, memupuk rasa kepunyaan

bersama dan kestabilan politik.” Walau bagaimanapun, tokoh daripada parti Melayu-Islam pula berpendapat penekanan berlebihan terhadap dasar universal boleh menghakis fokus terhadap isu teras Melayu-Islam, sehingga menimbulkan kekhuatiran bahawa kepentingan Melayu terabai (Noh Omar, Temu Bual Peribadi, 6 April 2021; Mohsinon Tahir, Temu Bual Peribadi, 27 Februari 2021).

Rodziah Ismail yang ditemu bual juga turut menegaskan bahawa membantu semua kaum tidak bermaksud mengabaikan perjuangan Melayu. Mereka melihat penyusunan dasar kebajikan secara merata sebagai cara untuk mengurangkan ketidakseimbangan kaum. Sebagai contoh, pelebaran subsidi air percuma dikatakan membantu menutup jurang kepercayaan antara kaum Melayu bandar dan luar bandar (Rodziah Ismail, Temu Bual Peribadi, 24 Mac 2021). Perlu diingatkan bahawa Selangor berpenduduk majmuk jika terlalu menumpukan kepada agenda Melayu sahaja boleh mengasingkan sokongan kaum lain dan memberi kesan negatif kepada kestabilan sosial jangka panjang. Oleh itu, sesi temu bual menuntut strategi seimbang, di mana pengurus atau pengelola (kerajaan negeri) dasar berusaha menyeimbangkan keperluan asas semua kaum dengan pembangunan ciri khas Melayu.

Tokoh dari UMNO, Karim Mansor, menekankan isu subsidi air percuma sebagai contoh penting dalam memahami pola sokongan rakyat. Beliau menyatakan bahawa dasar ini memberi kesan langsung kepada golongan B40 Melayu kerana membantu meringankan beban kelangsungan hidup mereka, manakala kelompok M40 dan T20 lebih menumpukan perhatian kepada peluang ekonomi yang lebih luas (Karim Mansor, Temu Bual Peribadi, 2 Mac 2021). Hal ini memperlihatkan wujudnya dimensi kelas dalam perbincangan dasar, di mana kebajikan berfungsi sebagai instrumen utama untuk menarik sokongan daripada kumpulan berpendapatan rendah yang majoritinya Melayu, sementara program inklusif dapat merangkul sokongan masyarakat yang lebih pelbagai.

Dalam kerangka teori, dasar universal seperti subsidi air percuma boleh ditafsirkan melalui *welfare populism*, iaitu strategi politik yang mengagihkan manfaat sosial secara luas bagi membina sokongan popular merentas kelas dan etnik. Pendekatan ini membolehkan kerajaan negeri menampilkan imej mesra rakyat serta meningkatkan legitimasi politik. Sebaliknya, dasar khusus seperti pembangunan ekonomi Melayu boleh dilihat melalui lensa *ethno-development*, di mana pembangunan berasaskan identiti etnik digunakan untuk mengekalkan sokongan tradisional serta memperkukuh solidariti komuniti Melayu-Islam. Namun, pendekatan dwi-arah ini menimbulkan dilema strategik. Walaupun keseimbangan antara *welfare populism* dan *ethno-development* dianggap kunci untuk mengekalkan sokongan politik jangka panjang, para sarjana memberi amaran bahawa strategi ini boleh mewujudkan fenomena politik pengagihan (*politics of distribution*). Dalam konteks ini, sumber awam digunakan secara berulang untuk mengekalkan sokongan melalui bantuan kebajikan atau program khusus, tetapi tanpa membawa kepada pembaharuan struktur ekonomi yang lebih mampan. Implikasinya, golongan B40 khususnya masyarakat Melayu mungkin terus berada dalam kitaran pergantungan terhadap subsidi dan bantuan, manakala ketidaksamarataan kelas tidak dapat diatasi secara tuntas.

Tambahan pula, terlalu bergantung pada strategi pengagihan boleh memperlahankan usaha ke arah reformasi institusi yang lebih mendalam, seperti meningkatkan produktiviti, mengurangkan ketirisan, atau memperkukuh tadbir urus ekonomi. Dalam jangka panjang, ini boleh mewujudkan paradoks: dasar yang bertujuan mengekalkan sokongan politik melalui kebajikan dan identiti mungkin mengekalkan status quo, tetapi pada masa yang sama menghalang agenda pembangunan struktur yang lebih inklusif dan progresif.

c. Perbincangan Tema 3: Persepsi Keberkesanan Dasar Kerajaan dalam Meraih Sokongan

Tema ketiga ialah perbincangan mengenai persepsi keberkesanan dasar kerajaan dalam meraih sokongan. Temu bual mengungkapkan perbezaan pandangan tentang sejauh mana keberkesanan dasar kerajaan negeri mempengaruhi sokongan. Tokoh dari PH cenderung melihat sokongan yang berterusan sebagai tanda kejayaan dasar mereka. Mereka menekankan bahawa ketelusan dan akauntabiliti membantu mengekalkan kepercayaan pengundi. Sebagai contoh, beberapa informan PKR menyebut bahawa program kebajikan yang diperluaskan (seperti bantuan tunai bayi, subsidi air) telah menerima penerimaan positif, yang mengukuhkan sokongan pengundi muda dan bukan Melayu (Rodziah Ismail,

Temu Bual Peribadi, 24 Mac 2021; Nik Nazmi Nik Ahmad, Temu Bual Peribadi, 19 Februari 2021). Ini selari dengan pemerhatian Tricia Yeoh (2021) bahawa inisiatif rumah kebajikan Selangor turut dibayangi oleh konsep monetisasi persetujuan dan dinilai berjaya mengukir sokongan politik.

Sebaliknya, tokoh UMNO mengetengahkan skeptisisme terhadap kelangsungan sokongan tersebut. Mereka mendakwa bahawa dasar populis mungkin hanya mendatangkan sokongan sesaat. Menurut mereka, dasar sedemikian harus diikuti perubahan struktur ekonomi yang lebih jangka panjang. Sebagai contoh, seorang Noh Omar menyatakan bahawa walaupun sokongan meningkat pada masa susah (dengan bantuan segera), pengundi Melayu mungkin kembali mempertimbangkan partinya jika mereka merasakan dasar itu hanya bersifat sementara atau bersyarat. Perbezaan ini menunjukkan bahawa selain ukuran biasa (undi pilihan raya), persepsi keberkesanan dasar juga berkait dengan keupayaan parti mengekalkan amalan kebajikan dan memenuhi keperluan ekonomi secara berterusan (Noh Omar, Temu Bual Peribadi, 6 April 2021). Manakala Nik Nazmi tokoh dari PH berpendapat tatatertib kerajaan negeri (seperti laporan telus, pencapaian pencapaian), sama pentingnya dalam membina kepercayaan jangka panjang (Nik Nazmi Nik Ahmad, Temu Bual Peribadi, 19 Februari 2021).

d. Perbincangan Tema 3: Sumber atau Penolakan Sokongan .

Tema terakhir yang akan dibincangkan adalah sumber atau penolakan sokongan. Akhirnya, temu bual mendedahkan pelbagai faktor yang ditimbulkan tokoh sebagai punca perubahan sokongan politik Melayu. Naratif politik nasional sering disebut; misalnya tokoh PAS iaitu Yunus Hairi merujuk kembali kepada “tsunami Cina 2008” sebagai peristiwa massa di mana ramai Melayu “kehilangan kepercayaan” kepada kerajaan lama. Namun, beliau menegaskan bahawa di Selangor keadaan berlainan kerana PH-PR lebih berjaya membina hubungan dengan orang Melayu. Beberapa pemimpin pencadang pula menunjukkan faktor persekutuan: pergolakan politik 2020 (Sheraton Move) dan krisis kepemimpinan persekutuan memberi sokongan tak langsung, kerana sesetengah pengundi Melayu merasakan kepentingan identiti terancam. Faktor demografi juga disebut; contohnya, nasib Petaling Jaya vs Kuala Langat berbeza kerana komposisi kaum (Ahmad Yunus Hairi, Temu Bual Peribadi, 27 Februari 2021).

Temu bual juga menyoroti peranan media sosial dan media alternatif dalam membentuk naratif sokongan. Naratif seperti “tsunami politik” sentiasa disebar secara meluas dalam talian sebagai sebab ketiga dalam wacana politik, selain dasar pemerintah. Ini memperlihatkan bahawa sumber sokongan rakyat turut dipengaruhi oleh persepsi kolektif yang dibentuk melalui media. Kesimpulannya, analisis tematik mengenal pasti bahawa sokongan Melayu terhadap agenda Islam-Melayu di Selangor dipengaruhi oleh kombinasi dasar kebajikan, kepimpinan politik, dan naratif nasional (Nik Nazmi Nik Ahmad, Temu Bual Peribadi, 19 Februari 2021). Sokongan rakyat bukanlah satu fenomena monolitik; ia dikonseptualisasikan secara berbeza oleh setiap pemimpin berdasarkan pengalaman parti, dan pengaruh faktor luaran terus menambah dimensi kompleks dalam menilai sokongan tersebut.

Walaupun pelaksanaan skim kebajikan seperti Skim Air Percuma 20m³, Skim Mesra Usia Emas, dan Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) terbukti memberi manfaat merentas kaum, wujud percanggahan antara agenda pemerikasaan Melayu dan Islam dengan prinsip dasar inklusif yang diuar-uarkan oleh Pakatan Rakyat. Dasar inklusif seharusnya memastikan pengagihan sumber dan manfaat kebajikan dapat dirasai secara adil oleh semua komuniti, tanpa mengira latar belakang etnik atau agama. Namun, penekanan terhadap pemerikasaan Melayu dan Islam kadangkala menimbulkan persepsi bahawa wujud keutamaan kaum tertentu berbanding pendekatan universal.

Percanggahan ini menimbulkan dilema politik kerana Pakatan Rakyat pada masa sama berusaha menampilkan imej progresif dan inklusif, khususnya kepada pengundi bukan Melayu yang signifikan di Selangor. Situasi ini menimbulkan ketegangan naratif, di satu pihak, terdapat desakan mempertahankan kepentingan majoriti Melayu-Islam sebagai kelompok dominan dan di pihak lain, terdapat tuntutan untuk menegakkan prinsip keadilan sosial yang inklusif sebagai asas pembinaan masyarakat majmuk yang harmoni.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sokongan rakyat memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan agenda pemerkasaan Melayu dan Islam di Selangor. Sokongan orang Melayu dilihat oleh parti berasaskan Melayu-Islam sebagai sumber kekuatan utama yang memacu dasar mereka, manakala parti berbilang kaum pula menekankan sokongan inklusif daripada semua kaum sebagai asas pemerintahan yang stabil. Pelaksanaan dasar kebajikan sejagat, seperti subsidi air percuma, berjaya menarik sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat, sementara dasar khusus etnik atau berteraskan Islam memberi kelebihan tambahan dalam meraih sokongan Melayu. Keputusan pilihan raya dan mandat yang diperoleh turut berfungsi sebagai ukuran legitimasi politik yang memudahkan pemimpin melaksanakan agenda manifesto mereka. Di samping itu, perbincangan politik di peringkat nasional serta naratif dominan dalam media sosial turut membentuk persepsi terhadap sokongan rakyat, sekali gus mempengaruhi keutamaan pengundi dalam memberi mandat kepada sesebuah parti. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menggariskan bahawa dasar berorientasi rakyat dan dasar identiti Melayu-Islam perlu dilaksanakan secara bersepadu. Kerajaan Selangor disaran merangka strategi di mana pembangunan ekonomi dan sosial selari dengan pengukuhan institusi serta nilai budaya. Contohnya, menambah elemen pendidikan agama dalam kurikulum kebangsaan atau memperluas peluang ekonomi di kalangan masyarakat Melayu setempat boleh membantu memperkukuh sokongan pelbagai kaum sambil memenuhi aspirasi Melayu. Penyesuaian dasar sedemikian menuntut rundingan berterusan antara parti politik dan komuniti, serta pemantauan impak dasar melalui data empirikal. Oleh itu, mendekati keseimbangan ini adalah kunci kepada kestabilan dan keadilan politik di Malaysia.

Kajian ini mendapati bahawa agenda Melayu dan Islam di bawah Pakatan Rakyat di Selangor berjaya diterapkan melalui dasar yang mengutamakan ketelusan, keadilan sosial, dan pembangunan ekonomi yang inklusif. Sokongan rakyat, khususnya golongan muda dan kelas pertengahan di kawasan bandar, mengalami peningkatan yang ketara, walaupun cabaran dari polarisasi kaum dan perpecahan dalaman parti menjadi halangan. Agenda tersebut memberi impak positif dalam mengubah pola sokongan pengundi Melayu yang mula menilai pentadbiran secara lebih pragmatik. Namun, kesinambungan sokongan ini memerlukan pendekatan yang lebih bersatu dan menyeimbangkan kepentingan rakyat pelbagai lapisan bagi memastikan kestabilan politik dan keberkesanan agenda Melayu-Islam di Selangor.

Kelemahan kajian ini termasuk fokus terhad kepada responden elit negeri sahaja tanpa tinjauan pengundi biasa. Kajian susulan dicadangkan menggunakan kaedah kuantitatif berskala besar atau melibatkan negeri lain untuk mengesahkan pola sokongan yang serupa. Walaupun begitu, penemuan ini tetap relevan bagi pembuat dasar kerana ia menunjukkan keperluan merangka dasar yang inklusif sekaligus sensitif terhadap identiti kaum.

BIODATA

Penulis merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Politik. Bidang kajian beliau memberi tumpuan kepada politik Malaysia.

RUJUKAN

- Berita Harian (2018). Manifesto BN Inklusif. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/04/409328/manifesto-bn-inklusif-mampu-bela-seluruh-rakyat>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Dewan Negeri Selangor (2018). Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2018. <https://dewan.selangor.gov.my/question/bantuan-kepada-masjid-dan-surau/>
- Easton, D. (1976). Theoretical approaches to political support. *Canadian Journal of Political*

- Science/Revue canadienne de science politique, 9(3), 431-448.
- Fuad Mat Jali, M., Awang Besar, J., & Said, K. M. (2009). Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian pungutan pendapat di kalangan kakitangan awam Negeri Selangor. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 5(1), 44–53.
- Gomez, E. T., Padmanabhan, T., Kamaruddin, N., Bhalla, S., & Fisal, F. (2017). *Minister of Finance Incorporated: Ownership and Control of Corporate Malaysia*. Singapore: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-4897-5>
- Gilley, B. (2006). The determinants of state legitimacy: Results for 72 countries. *International political science review*, 27(1), 47-71.
- Gilley, B. (2017). Technocracy and democracy as spheres of justice in public policy. *Policy Sciences*, 50(1), 9-22.
- Kerajaan Negeri Selangor. (2017). Skim Mesra Usia Emas. <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/586>
- Kerajaan Negeri Selangor. (2018). Perkhidmatan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). <https://www.selangor.gov.my/sepang.php/pages/view/747>
- Lembaga Zakat Selangor. (2009). Kenyataan Akhbar <https://www.zakatselangor.com.my/artikel/kenyataan-akhbar-2/>
- Loh, F. K. W. (2020). Malaysia (The Federation of Malaysia) A Centralized Federation with Challenges from the States. In *The Forum of Federations Handbook of Federal Countries 2020* (pp. 201-213). Cham: Springer International Publishing.
- Muhammad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan (Government policy issues in electorate post-election politics: A case study of the Teratai constituency, Pandan, Selangor Darul Ehsan). *Geografia*, 12(4).
- Mohd Mahadee Ismail, Mansor Mohd Noor, Muhammad Asri Mohd Ali, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Muhammad Shamsinor Abdul Azzis, Arvin Tajari (2016), Pola Sokongan Pengundi Selangor Terhadap Tokoh Pemimpin Menjelang PRU14. *Prosiding*, 84.
- Mohd Rosdi, M. S. (2016). Pemikiran Tahaluf Siyasi Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Negara *Sains Humanika*, 8(2). <https://doi.org/10.11113/sh.v8n2.705>
- Mstar. (2011). Serbu Gereja: JAIS Pertahan Tindakan, Siasatan 12 Individu Islam Diteruskan. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/08/05/serbu-gereja-jais-pertahan-tindakan-siasatan-12-individu-islam-diteruskan>
- Nur Solehah Mohd Yazid; Shuhari, Mohd Hasrul; Najihah Abdul Wahid. (2020). Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam Menangani Isu Ekstremisme di Selangor. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 214.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Banci Penduduk Malaysia 2010. Diakses di laman web, <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Selangor>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2023, https://storage.dosm.gov.my/gdp/gdp_2023.pdf
- Junaidi Awang Besar (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 47-78.
- Junaidi Awang Besar (2018). Analisis perkembangan pembangunan perumahan awam di Selangor (Analysis of public housing development in Selangor). *Geografia*, 14(1).
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amir Saifude Ghazali, Mohd Mazlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Muhd Yusof (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(28-38).
- Shukrimun, M. M., Hussin, S., Halim, A. H., & Sariyan, A. (2022). Tanggapan etnik Melayu terhadap Pas dan Umno di kawasan Parlimen Kangar, Perlis. *Jurnal e-Bangi*, 19(2), 204–221. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/19884/1/54223-178415-1-SM.pdf>
- Patton, D. B., & Blaine, T. W. (2001). Public issues education: Exploring Extension's role. *Journal of Extension*, 39(4).

- Rittel, H. W. J., & Webber, M. M. (1973). Dilemmas in a general theory of planning. *Policy Sciences*, 4, 155–169.
- Selangorkini (2020). Hijrah Selangor Selamatkan Niaga Hampir Muflis Kini Miliki Bas.
<https://arkib.selangorkini.my/2020/06/hijrah-selangor-selamatkan-niaga-hampir-muflis-kini-miliki-bas/>
- Temu bual dengan Nik Nazmi Nik Ahmad di pejabatnya, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Setiawangsa, Sri Rampai, pada 19 Februari 2021.
- Temu bual dengan Rodziah Salleh di pejabatnya, Pusat Khidmat Rakyat Dewang Undangan Negerti Batu 3, Shah Alam, pada 24 Mac 2021.
- Temu bual dengan Noh Omar di pejabatnya, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Kuala Lumpur, pada 6 April 2021.
- Temu bual dengan Ahmad Yunus Hairi di Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang, Selangor, pada 27 Februari 2021.
- Temu bual dengan Mohsinon Tahir di Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang, Selangor, pada 27 Februari 2021.
- Temu bual dengan Karim Mansor di kediamannya , Mutiara Bangi Residence, Selangor, pada 2 Mac 2021.
- Tricia Yeoh (2010). The Pakatan Rakyat Selangor state administration: present and future challenges on the road to reform. *The Round Table*, 99(407), 177-193.
- Tricia Yeoh. (2021). Will Pakatan Harapan's hold on Selangor continue? (*Trends in Southeast Asia*, TRS3/21). ISEAS–Yusof Ishak Institute. Retrieved from https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2020/12/TRS3_21.pdf
- Witteman, H. (1988). Interpersonal problem solving: Problem conceptualization and communication.